

# **SYARAT-SYARAT**

## **PERTANDINGAN MENULIS ESEI ‘KENEGARAAN’**

1. Penyertaan terbuka kepada semua belia warganegara Malaysia berumur 15 – 30 tahun.
2. Penyertaan adalah berbentuk esei dan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.
3. Penyertaan dilaksanakan secara individu dan setiap peserta hanya dibenarkan menghantar satu penyertaan sahaja.
4. Tema esei adalah “Kenegaraan”.
5. Sumber rujukan (bibliografi) penulisan esei hendaklah diletakkan pada muka surat terakhir esei.
6. Panjang esei hendaklah 1000 – 1500 patah perkataan dan jumlah perkataan dicatat dengan tepat pada penghujung esei.
7. Esei hendaklah ditaip di atas kertas A4 dalam jarak *double spacing* menggunakan huruf Arial (font 12) dan dicetak pada sebelah muka surat setiap helaian.
8. Setiap esei hendaklah merupakan hasil penulisan asli, idea sendiri dan belum pernah disiarkan oleh mana-mana bahan bercetak. Karya ciplak, plagiat atau terjemahan tidak akan diterima.
9. Setiap esei yang dihantar tidak akan dikembalikan kepada penulis dan pihak Majlis Belia Malaysia berhak untuk mencetak dan menerbitkan esei-esei yang memenangi pertandingan ini.
10. Semua penyertaan mestilah disertakan dengan borang penyertaan yang lengkap dan ditandatangani oleh peserta. Pihak penganjur berhak menolak penyertaan yang tidak menepati syarat-syarat pertandingan.
11. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan, tersilap hantar atau penyertaan yang hilang. Bukti penyertaan atau pengeposan tidak diterima sebagai bukti penyertaan.
12. Keputusan panel hakim adalah muktamad.

## **HADIAH-HADIAH PERTANDINGAN**

Pertama	:	RM1,000.00
Kedua	:	RM700.00
Ketiga	:	RM500.00
Saguhati	:	RM250 x 2 pemenang

## **PENGUMUMAN PEMENANG**

Senarai pemenang akan diumumkan melalui media sosial MBM selepas tarikh tamat penyertaan. Sekretariat MBM akan menghubungi pemenang melalui telefon dan e-mel.

## **URUS SETIA PERTANDINGAN**

Majlis Belia Malaysia  
Wisma MBM  
No 1, Jalan Tasik Permaisuri 2  
Bandar Tun Razak  
56000 Kuala Lumpur

(T) 03-9173 2761/63  
(F) 03-9173 2759/64  
(E) [esei@belia.org.my](mailto:esei@belia.org.my)